

Menyamar jadi nelayan tempatan

Sinar Harian 30/5/2018 M/S 22

Tiga bot nelayan Vietnam ditahan ceroboh perairan

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Taktik licik tiga bot nelayan Vietnam yang menyamar sebagai nelayan tempatan dengan mengibarkan bendera Kelantan dan Malaysia bagi mengaburi mata pihak berkuasa tidak menjadi selepas diberkas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim), kelmarin.

Pengarah Maritim Terengganu, Kapten Maritim Rahim Ramli berkata, turut ditahan tiga tekong bersama 13 krew yang ketika itu berada di kedudukan 27 hingga 31 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

Beliau berkata, kehadiran bot asing itu di perairan Terengganu dipercayai didalangi ejen warga tempatan.

"Siasatan mendapati bot digunakan juga disyaki memalsukan dokumen dan nombor pendaftaran bot tempatan bagi mengelak dicukup pihak berkuasa."

"Mereka bergerak dalam satu kumpulan dan kita syak ini semua dikawal satu ejen tempatan, disebabkan itulah mereka berani ceroboh perairan kita kerana ejen ini-



Rahim (kiri) menunjukkan antara hasil tangkapan yang dirampas semasa membuat pemeriksaan ke atas salah sebuah bot nelayan Vietnam yang dirampas.

lah yang menjaya kesemuanya.

"Bagi menangani masalah ini, kita akan mempertingkatkan kawalan di perairan negara," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Maritim (DM9), di sini, semalam.

Rahim berkata, pemeriksaan lanjut juga mendapat bot berkenaan baru sehari berada di perairan Terengganu untuk melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda mata keroncong.

Katanya, selain merampas hasil tangkapan lebih enam tan, peralatan menangkap ikan, kesemua bot dan minyak diesel yang dianggarkan bernilai keseluruhan RM2.1 juta turut dirampas.

"Kesemua nelayan berusia an-

tara 19 hingga 58 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan tanpa kebenaran dan Seksyen 6(1) Akta Imigresen kerana tidak memiliki pengenalan diri yang sah.

Sementara itu, Rahim berkata, mulai hari ini pihak Maritim akan mempertingkatkan kawalan di perairan negara dan akan membuat pemeriksaan secara menyeluruh, termasuk bot tempatan kerana bimbang nelayan asing mengambil kesempatan dengan menyamar sebagai bot tempatan," katanya yang juga memohon agar semua pihak memberi kerjasama semasa pemeriksaan dijalankan.